

Ramai mahu DEB dikekalkan

Pembangkang perlu kemuka bukti tuduhan dasar disalah guna

Oleh Khairul Azran Hussin,
Nordiana Abd Wahab
dan Siti Haliza Yusop

KUALA LUMPUR: Dasar Ekonomi Baru (DEB) mesti dikekalkan kerana sudah terbukti membawa kejayaan meningkatkan ekonomi rakyat negara ini, kata Presiden Gabungan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau berkata, DEB tidak perlu diubah, sebaliknya jika pembangkang mendakwa DEB disalahgunakan, mereka harus tampil menemukakan bukti.

"Jika ada sebarang tuduhan, mereka seharusnya membuat aduan kepada pihak berkuasa bukan mengeluarkan kenyataan tanpa bukti kukuh.

"DEB lahir bertunjangan matlamat untuk membanteras kemiskinan dan menstruktur semula sosio-ekonomi masyarakat dan sebagai negara membangun dengan rakyat berbilang bangsa, kedua-dua matlamat itu adalah tiang yang menyokong sistem kenegaraan kita.

"Usaha untuk membanteras kemiskinan dan menyusun masyarakat harus diteruskan sesuai dengan kewujudan DEB dan perjuangan ekonomi ini bukan saja harus dipikul kerajaan tetapi pembangkang juga ada peranan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr Syed Hussin Ali yang mahu DEB dimansuhkan kerana ia disalahgunakan pemimpin politik dan kroni



Rahim Tamby Chik

mereka untuk merompak kekayaan negara.

Presiden Persatuan Industri Perkhidmatan Pengilang Malaysia, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Arifin, berkata pelaksanaan DEB membawa faedah kepada semua kaum di negara ini terutama dalam bidang ekonomi.

"Kita tidak nafikan ada kelemahan dalam DEB, oleh itu kerajaan harus memastikan ketelusan, integriti dengan kekayaan sumber negeri dikongsi rakyat berbilang kaum sejajar hasrat DEB untuk membantu rakyat.

"Kita mahu dasar dan langkah yang bakal diambil tidak akan menginggir atau merugikan mana-mana rakyat atau kaum tertentu dan ia harus diberi kepada mereka yang benar-benar layak serta berkebolehan bagi mengelak pihak lain memper-



Shamsul Anuar Nasarah

tikaikan dasar berkenaan," katanya.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Melaka, Datuk Md Ramli Mohamad, berkata pelaksanaan DEB perlu diteruskan dengan pendekatan sesuai mengikut keperluan masa kini.

Katanya, kerajaan perlu memastikan pelaksanaan DEB adil dan saksama, selain memastikan orang Melayu dan Bumiputera lain tidak ketinggalan dalam mengejar kemajuan ekonomi.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Shamsul Anuar Nasarah, berkata DEB berjaya melaksanakan pelbagai program pembangunan tanpa menyalahgunakan mana-mana kaum di negara ini.

Beliau berkata, semua pihak perlu menghentikan polemik berkaitan DEB yang boleh mencetuskan kema-

rahan pelbagai pihak, terutamanya kaum Melayu.

"DEB perlu dipertahankan dan saya yakin taajoriti rakyat negara ini menentang sebarang usaha menghapus atau menafikan kebaikan DEB," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu ialah wakil dari 40 pertubuhan belia pelbagai bangsa.

Selepas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng menolak DEB, beberapa pemimpin dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut mahu DEB dimansuhkan.

Antara pemimpin PKR yang mendesak DEB perlu dimansuhkan ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan terbaru, Timbalan Presiden parti itu, Dr Syed Husin Ali.

Shamsul berkata, MBM turut menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, MBM mengutuk tindakan sesetengah individu yang cuba mendesak Perdana Menteri meletak jawatan.

Di **KUCHING**, Menteri Perumahan Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Abang Openg, berkata kerajaan berjaya mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu serta mengambil kira faktor kemiskinan serta ketidakupayaan sesetengah kaum untuk bekerjasama atau bersaing dengan kaum yang sudah berjaya dalam bidang ekonomi melalui DEB.